

07 AUG 2003

Mahathir-Keganasan

MALAYSIA TINGKAT PEMANTAUAN DAN PENGAWASAN CEGAH KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan mempertingkatkan pemantauan dan pengawasan keselamatan di seluruh negara bagi memastikan kejadian seperti pengeboman di Jakarta, dua hari lepas tidak berlaku di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sentiasa berwaspada terhadap sebarang ancaman kepada negara.

"Di Malaysia kita berjaga-jaga dan sekarang ini kita akan pertingkatkan kita punya pengawasan bagi memastikan di Malaysia benda yang semacam ini tak akan berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas upacara penamaan satelit pencerapan bumi kedua Malaysia, RazakSAT di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil di sini hari ini.

Dalam kejadian di Hotel JW Marriot di Jakarta itu, sehingga 16 orang dilaporkan terkorban manakala kira-kira 150 lagi cedera, termasuk tiga rakyat Malaysia.

Perdana Menteri berkata beliau percaya kejadian tersebut tidak akan memberi kesan kepada ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah mengambil langkah-langkah membendung sebarang ancaman kepada keselamatan negara, malahan langkah sebegini telah diambil sebelumpun kejadian 11 Sept 2001 di Amerika Syarikat (AS), tetapi langkah-langkah tersebut telah dikritik.

"Semua orang tahu kita telah ambil tindakan sebelum 11 Sept. Kita lebih awal lagi tahu semua perkara ini. Pada masa itu orang kata Malaysia zalim tangkap orang, tahan orang. Jadi sekarang ini mereka tahu nak pilih yang mana -- baik bom meletup dulu baru tangkap ataupun sebelum dia meletup kita tangkap," katanya.

Perdana Menteri juga berkata selagi punca keganasan tidak ditangani, maka masalah sebegini akan berterusan.

"Selagi masalah sebab-sebab ada terrorisme ini tidak diselesaikan, maka kita akan terus menghadapi masalah yang semacam ini.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada kegagalan AS menangani masalah di Asia Barat dengan baik menyebabkan kejadian keganasan terus berlaku.

"Dia tak nak kata kita persalahkan dia. Tapi kita berpendapat bahawa pendekatan yang dibuat oleh AS tidak akan mengurangkan ancaman daripada penganas dan ini akan berterusan bertahun-tahun selagi masalah sebab-sebab terrorisme ini tidak ditangani.

"Macam mana kita ambil pencegahanpun, berapa ramai kita nak boleh ambil pencegahan (tapi) satu hari kita relax, dia jadi balik," tambah Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV AHH MOZ